

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
AJARAN ISLAM JAMAAH DI NEGERI SELANGOR.**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah menerima laporan berkenaan dengan Ajaran Islam Jamaah / Muhammadiyah yang sudah berkembang dengan pesat di Negeri Selangor. Oleh itu, Bahagian Penyelidikan JAIS telah meminta pihak Jawatankuasa untuk mengharamkan ajaran ini memandangkan ianya telah menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenarnya.

2. LATAR BELAKANG

Ajaran kumpulan ini mula diperkenalkan di Jawa Timur Indonesia sejak tahun 1941. Kumpulan ini dikenali dengan pelbagai nama antaranya :

- a) Darul Hadis di Kediri
- b) Yayasan Pondok Jamaah di Kediri, Jawa Timur tahun 1967
- c) Yayasan Pondok Pendidikan Nasional, Jakarta
- d) Jamaah di Kediri
- e) Jamaah Islam Murni di Gunung Kidol, Yogyakarta
- f) Islam Haqiqi di Jawa Barat
- g) Muhammadiyah
- h) Islam Jamaah

Di Indonesia ajaran ini lebih dikenali sebagai Islam Jamaah. Ajaran ini begitu berpengaruh di Indonesia sehingga suatu ketika hampir mempengaruhi kerajaan Indonesia. Kemudian, ajaran ini diharamkan di Indonesia kerana pengaruhnya telah kuat.

2.1 Pengasas

Pengasas ajaran ini ialah Hj. Nurhasan al- Ubaidah Lubis. Nama asalnya ialah Mohd Madigol bin Haji Ab. Aziz. Beliau menggelarkan dirinya dengan Amirul Mukminin. Beliau dilahirkan di Desa Bangi, Papar Kediri, Jawa Timur pada tahun 1948. Pendidikan awalnya di Pondok Kecil Sewelo, kemudian berpindah ke Pondok Jamsaren Solo, Ponsok Dresmo Surabaya (pengajian khusus pencak silat), selepas itu beliau belajar di Pondok Sampang Madura berguru dengan Kiyai al-Ubaidah, Batu Ampar. Nama al-Ubaidah adalah mengambil sempena nama guru beliau, manakala Lubis adalah bermaksud "luar biasa".

2.2 Penyebarannya di Selangor

Ajaran ini diperkenalkan di Selangor sejak kemasukan beramai-ramai pendatang Indonesia, yang pada asalnya datang untuk bekerja khususnya di sektor perladangan dan pembinaan. Ajaran ini disebarkan di kampung-kampung yang tiada asas agama yang kuat. Hasil kajian bahagian Penyelidikan Jais di Negeri Selangor, ajaran ini telah diperkenalkan di 13 buah tempat melibatkandaerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat dan Hulu Langat.

3. **CIRI-CIRI AJARAN**

3.1 DARI SEGI HUKUM FEKAH.

3.1.1 Tidak menghormati kitab suci al-Quran

Ini jelas terbukti semasa Bahagian Penyelidikan memasuki rumah tersebut dan mendapati Kitab al-Quran diletakkan di atas lantai sahaja.

3.1.2 Menolak sumber hukum Ijma' dan Qias

Amalan-amalan yang tidak terdapat dalam al-Quran dan Hadis ditolak dengan keras. Amalan tersebut seperti membaca doa Qunut, talqin, Tahlil dan Fidyah.

3.1.3 Najis Mughalazah tidak perlu di samak.

Hanya benjana atau pinggan yang dijilat anjing sahaja yang perlu disamak seperti yang disebutkan dalam Hadis. Selain dari itu, sekiranya kita pegang anjing atau babi walaupun dalam keadaan basah tidak perlu disamak kerana mereka menganggap ianya tidak najis. Hanya najis manusia sahaja yang dianggap najis.

3.1.4 Sembahyang Jumaat di rumah

Ajaran ini menjeaskan bahawa sembahyang Jumaat cukup dilakukan di rumah secara berseorangan atau boleh digantikan dengan berzikir sahaja.

3.1.5 Sembelihan

Mana-mana binatang yang mati di dalam kawasan atau perkampungan orang-orang Islam tidak perlu disembelih dan halal dimakan.

3.2 **DARI SEGI AKIDAH**

3.2.1 Bai'ah

Sepertimana ajaran sesat yang lain, ajaran ini juga memberi bai'ah kepada murid yang baru memasuki kumpulan ini dan perlu mengakui bahawa Hj. Nurhasan sebagai Amirul Mukminin.

3.2.2 Tidak Islam

Sesiapa yang memasuki Islam Jamaah telah menjadi Islam sebenar manakala orang luar adalah tidak Islam, iaitu kafir.

3.2.3 Sumber hukum

Amirul Mukminin yang akan menentukan segala-galanya ke atas pengikut-pengikutnya seperti perkahwinan, perceraian harta benda dan sebagainya.

4. TINDAKAN.

- 4.1 Kerajaan Indonesia dengan rasminya telah mengharamkan ajaran Islam Jamaah pada tahun 1971. sehubungan dengan itu, Majlis Ulama Daerah Khusus Indonesia (MK-DKI) mengeluarkan fatwa menyeru umat Islam Indonesia menginsafkan pengikut Islam Jamaah ini.
- 4.2 Sebagai tindakan awal, Bahagian Penyelidikan JAIS dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan dan Polis telah menangkap dua orang guru ajaran tersebut di lokasi berasingan iaitu Kampung Datuk Hormat, Sungai Air Tawar Sabak Bernam dan Kampung Perepat, Kapar, Klang mengikut Seksyen 14 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Mengajar Tanpa Tauliah).
- 4.3 Mesyuarat Panel Kajian Akidah yang bersidang pada 22 Oktober 1997 di Tingkat 2, Pusat Islam Malaysia yang dipengerusikan oleh Ust. Abdullah Fahim, Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM telah memutuskan dengan sebulat suara menyokong mengharamkan ajaran Islam Jamaah di Malaysia.

5. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor dalam persidangannya yang bertarikh 12 Februari 1998 telah membincangkan perkara di atas dan keputusannya adalah seperti berikut :

“ Bahawa dengan ini Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor kali 2/98 yang bersidang pada hari 12 Februari 1998 telah membincangkan dengan panjang lebar dan memutuskan bahawa Ajaran Islam Jamaah adalah bertentangan dan menyeleweng daripada akidah Islam. Umat Islam yang menganuti ajaran ini hendaklah bertaubat dan kembali ke ajaran Islam sebenar ”.